

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : DATO' SERI MAHDZIR BIN KHALID
[PADANG TERAP]
TARIKH : 18 JULAI 2019 (KHAMIS)

SOALAN NO. 103

Minta **Menteri Pendidikan** menyatakan apakah kedudukan kuota 90/10 akan terus kekal dalam pengambilan pelajar Matrikulasi apabila jumlah pelajar ditambah pada masa hadapan serta bilakah cadangan Kolej Matrikulasi akan dibuka untuk pengambilan tambahan

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) komited untuk melaksanakan hasrat Kerajaan dengan memberi akses dan peluang pendidikan kepada yang layak untuk mengikuti Program Matrikulasi KPM dengan keutamaan kepada golongan berpendapatan rendah (B40). Justeru, sebanyak 60 peratus tempat di Program Matrikulasi KPM diperuntukkan kepada pelajar daripada golongan B40 manakala baki 40 peratus diperuntukkan kepada pelajar daripada golongan M40 dan T20.

Mesyuarat Jemaah Menteri pada 24 April 2019 telah bersetuju supaya dasar pengambilan pelajar ke Program Matrikulasi KPM dikekalkan kepada 90 peratus untuk pelajar Bumiputera dan 10 peratus untuk pelajar bukan Bumiputera dengan pertambahan kepada 40,000 tempat. Walau bagaimanapun, Program Matrikulasi KPM hanya boleh menampung sehingga 30,000 orang pelajar sahaja.

Terdapat beberapa cadangan untuk menubuhkan kolej matrikulasi seperti yang dicadangkan seperti di Terengganu dan Sarawak. Untuk makluman, penubuhan sesebuah kolej matrikulasi menelan belanja sebanyak RM300juta. Oleh hal yang demikian, atas faktor kewangan yang terhad serta memberi tumpuan kepada projek yang lebih memerlukan, perkara ini ditangguhkan sementara pada tahun semasa dan akan diangkat untuk permohonan dalam Rancangan Malaysia Ke-11, Tahun 2020.

Sekian, terima kasih.

RJM 144